



SIARAN AKHBAR

PEMBUKAAN KAUNTER PERKHIDMATAN PELANGGAN BIRO KREDIT

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit, yang menyediakan perkhidmatan laporan kredit, telah dibuka semula mulai hari Isnin, 25 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 18 Mei 2020.
2. Dalam memastikan kesihatan dan keselamatan pelanggan yang berkunjung serta pegawai dan kakitangan yang bertugas, AMBD mengambil langkah-langkah kewaspadaan tambahan berdasarkan kepada garis panduan yang berkaitan dengan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, termasuk memerlukan pelawat untuk menggunakan aplikasi BruHealth dan menghadkan bilangan pelanggan di premis pada satu masa yang sama.
3. Waktu operasi untuk Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit adalah seperti berikut:

Waktu Operasi	Alamat
(Semasa Bulan Ramadan) ISNIN - KHAMIS 8.30 pagi – 12.00 tengah hari JUMAAT 8.00 pagi – 10.30 pagi	Autoriti Monetari Brunei Darussalam Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan & Ekonomi Commonwealth Drive Bandar Seri Begawan BB3910 Negara Brunei Darussalam
(Selepas Bulan Ramadan) ISNIN - KHAMIS 8.00 pagi – 11.30 pagi 1.45 petang – 3.30 petang JUMAAT 8.15 pagi – 10.30 pagi	

4. Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Biro Kredit melalui emel birokredit@ambd.gov.bn, atau telefon 2233369 semasa waktu bekerja.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: Mei 2020

Rujukan: AMBD/COMMS/3